

Seminar Serantau Borneo IPG Kent, UMS muktamad 11 resolusi

Oleh Henry Bating

UB 29.1.2019 15

SEMINAR Serantau Bahasa, Budaya dan Sastera Kadazan Dusun 2019 di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kent Tuaran semalam memuktamadkan 11 resolusi menyusul 30 kertas penyelidikan yang dibentangkan oleh kalangan pengkaji dari pelbagai tempat di Borneo dan Asia Tenggara.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, resolusi itu menandakan perjuangan pihaknya dalam Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) awal 1990-an telah mencapai perkembangan memberangsangkan setelah melalui perjalanan panjang.

“Saya terlibat secara langsung dalam usaha memasukkan pembelajaran bahasa Kadazan Dusun dalam kurikulum di sekolah-sekolah dan kini diajar di peringkat menengah, insti-



PENGANJUR: Sebahagian urus setia mengalu-alukan kehadiran para peserta seminar.



PRODUK: Madius meninjau pameran produk tradisional.

tut, kolej dan universiti,” katanya ketika merasmikan seminar tersebut.

Turut hadir dalam seminar sehari itu ialah wakil-wakil dari Persatuan Bangsa Tambonuo Sabah, Persatuan Murut Sabah, Persatuan Bisaya Bersatu Sabah, Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah

dan Pertubuhan Kimaragang Sabah.

Madius seterusnya menceritakan usaha 1994 yang mana Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu Tan Sri Bernard Dompok telah mencadangkan agar Bahasa Kadazan Dusun diajarkan di sekolah dan tampil menjadi

realiti pada 1997.

“Saya masih ingat bagaimana kami bersama Benedict Topin berusaha untuk mendapatkan persetujuan KDCA pimpinan Huguan Siou Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Pertubuhan Dusun Sabah Bersatu, USDA pimpinan Datuk Mark Koding (men-

diang),” katanya.

Madius menyifatkan seminar berkenaan amat baik lebih-lebih lagi dianjurkan dengan kolaboratif strategik antara pelbagai pihak khususnya institusi pengajian tinggi.

Madius seterusnya melahirkan rasa syukur kepada

Tuhan Yang Maha kuasa, para pendidik, ibu bapa dan para pelajar yang menyambut baik usaha kalangan perintis awal sehingga merealisasikan impian masyarakat Momogun dalam memelihara, melestari dan memperkembangkan bahasa Kadazan Dusun.

Turut hadir bersama 200 peserta ialah Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Ts Dr. Ramzah Dambul, Pemegang Kursi Kadazan Dusun UMS Prof. Madya Dr. Andreas Totu, Timbalan Pengarah IPG Kent Doti Asing dan Ketua Jabatan Bahasa IPG Kent Linah Bagu.

Bercakap tentang penganguran seminar itu, Linah memberitahu pihaknya telah menaik taraf seminar itu ke peringkat serantau Borneo sebagai kesinambungan daripada Seminar Kebangsaan Bahasa, Budaya dan Sastera Kadazan Dusun anjuran bersama IPG Kent dan Univer-

siti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 27 Mac 2019.

Dalam seminar anjuran kali ini bersama IPG Kent UMS, dua ucaptama disampaikan iaitu Citra Kadazan Dusun: Cabaran Era IR4? oleh Ramzah dan Budaya Konsumen vs Budaya Tradisi: Mana Satu Pilihan Remaja Kadazan Dusun? oleh Andreas.

Di penghujung seminar, Pensyarah Kanan IPG Kent Dr Sabariah Bahrun yang juga ketua jawatankuasa resolusi membacakan 11 resolusi seminar berkenaan.

Resolusi itu meliputi usaha memartabat bahasa dan budaya, meneroka, mengerat kerjasama, membina jaringan di kalangan pendidik, mengaplikasi teknologi, menyerlah kearifan etnik, memperkemas tatabahasa, memperbanyak terjemahan, melakukan kajian saintifik muzik tradisional dan memperkasa generasi selaku penyambung warisan budaya.